

23 JAN 1997

Shamsuri-Perisian

POLIS TINGKATKAN KEMAMPUAN BANTERAS KEGIATAN TIRU PERISIAN

KUCHING, Jan 23 (Bernama) -- Polis sedang meningkatkan pengetahuan dan kepakaran untuk membanteras kegiatan melanggar hakcipta perisian komputer di negara ini, kata Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Shamsuri Arshad hari ini.

Katanya polis mengadakan kerjasama dengan syarikat pengeluar perisian komputera terkemuka dunia seperti Microsoft Corporation dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna untuk mengatasi masalah itu.

"Saya yakin dengan kerjasama ini kita dapat berkongsi maklumat dalam usaha meningkatkan kemampuan memerangi gejala ini," katanya kepada pemberita di ibu pejabat kontinjen polis Sarawak di sini selepas mendengar taklimat berhubung pelaksanaan Sistem Maklumat Pusat Kawalan (SMPK) di negeri ini.

Shamsuri berkata ketika Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed cuba membawa negara ini sebagai satu pusat kegiatan industri komputer, usaha hendaklah juga dibuat untuk membanteras kegiatan cetak rompak perisian komputer.

Yang penting negara harus menunjukkan bahawa kita mempunyai undang-undang dan pelaksanaan yang kuat berhubung cetak rompak perisian komputer bagi meyakinkan pelabur bahawa negara ini tempat selamat untuk menanam modal dalam industri itu, katanya.

Beliau berkata polis masih melakukan siasatan bersama Microsoft untuk mengesan mereka yang melakukan cetak rompak perisian keluaran syarikat itu yang dilancarkan baru-baru ini.

Katanya setakat ini siasatan masih ditumpukan di Lembah Kelang memandangkan sebahagian besar daripada penggunaan komputer terdapat di situ.

"Saya percaya kegiatan ini juga berlaku di tempat lain di negara ini dan kita akan mengadakan siasatan jika perlu," katanya.

Shamsuri berkata 70 peratus daripada SMPK sudah dilaksanakan di pusatnya di Sarawak dan Sabah sementara di Semenanjung Malaysia sebanyak 90 peratus setakat ini.

Pelaksanaan sepenuhnya sistem itu di seluruh negara dijangka siap selewat-lewatnya akhir tahun ini, katanya.

-- BERNAMA

OPP AHH